JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, MALAYSIA

JPS Updates

EDISI MEI 2022

KELUARGA MALAYSIA

Majlis Sambutan

Hari Raya Aidilfitri

2022

JPS UPDATES

EDISI MEI 2022

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

JALAN SULTAN SALAHUDDIN

50626 KUALA LUMPUR

MALAYSIA

Tel: 03-2616 1500 | Faks: 03-2697 2411, 2585, 2412

: www.water.gov.my

: pro@water.gov.my

: @jps_malaysia

: @jps_malaysia

: Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Isi kandungan

Menarik didalam

DARI TINTA KETUA EDITOR 3

4 MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT JPS MALAYSIA

LAWATAN KETUA SETIUSAHA NEGARA KE JANDA BAIK, PAHANG 6

8 LAWATAN YBHG. DATO' SERI KSU KASA KE KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

INTERNATONAL INVENTION, INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION (ITEX) 2022 10

12 LAWATAN TEKNIKAL PROJEK AP182 SANTUARI KELAH DI HULU TERENGGANU, TERENGGANU

LAWATAN KERJA PENGARAH KANAN KE PROJEK TEBATAN BANJIR LEMBANGAN SUNGAI PADAS, SABAH 14

16 LAWATAN TEKNIKAL DI KAMPUNG POHON CELAGI, PASIR MAS, KELANTAN

SAMBUTAN AIDILFITRI LESTARI KEMENTERIAN ALAM SEKITAR 18

20 MAJLIS PENYERAHAN KIT RUMAH IBADAT HIJAU

KURSUS PENGENDALIAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) 22

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

DATO' IR. DR. MD. NASIR BIN MD. NOH

PENYELARAS

MEJAR (K) DATO' IR. DR. HJ. AHMAD ANUAR BIN OTHMAN,
DPMP, P.ENG, FIEM, ACPE, MIQM, MRCA, CCPM, MMSET, PMP ®

KETUA EDITOR

IR. WAN HASITINAZIAH BINTI MOHD HASSAN

EDITOR

MOHAMAD NAZRIZAL BIN NOOR

PENOLONG EDITOR

WAN SYAMSAFARIZA IZAWANE BINTI WAN MOHD FIKRI

MUHAMAD BAZLI BIN YAHAYA

MOHD FIRDAUS BIN MOKHTAR

Dari Tinta KETUA EDITOR

بسم الله الرحمن الرحيم

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Segala puji-pujian penuh kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, kerana umat Islam telah berjaya menyempurnakan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan dan telah meraikan Aidilfitri yang mulia dalam suasana harmoni dan sejahtera. Aidilfitri yang diraikan merupakan manifestasi kemenangan dan kegembiraan selepas berjuang melawan hawa nafsu sepanjang Ramadan yang mulia bagi meraih martabat taqwa.

Ir. Wan Hasitinaziah binti Mohd Hassan

Alhamdulillah, Ramadan dan Aidilfitri pada tahun ini kita telah dapat merasai kembali kemeriahan majlis iftar, moreh dan bersahur selain mengunjungi dan membeli belah di Bazar Ramadan serta Bazar Aidilfitri selepas kerajaan mengumumkan Fasa Peralihan ke Endemik bermula 1 April 2022.

Pada tahun ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 pada 20 Mei 2022 bersamaan 19 Syawal 1443 Hijrah. Sambutan Hari Raya disambut bersama-sama warga Jabatan ini bukan sahaja untuk meraikan Hari Raya, tetapi ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama warga JPS Malaysia. Buletin JPS Updates kali ini juga telah menggabungkan aktiviti – aktiviti yang dijalankan sepanjang bulan Mei tahun 2022 malah turut menghidangkan maklumat-maklumat lain khas untuk pembaca semua.

Dalam kesempatan ini juga, saya menwakili siding redaksi dengan penuh rasa rendah diri menyusun jari memohon ampun maaf zahir dan batin atas segala kesalahan dan apa jua kekhilafan. Kian berlabuh tirai Ramadhan, lambaian Syawal kian dinanti. Marilah kita bersama-sama meluhurkan hati memohon kemaafan sesama kita supaya silaturahim yang lebih utuh dapat dijalin. Saya juga menyeru agar tuan dan puan tidak lalai dan sentiasa mematuhi SOP Covid-19 walaupun Malaysia pada ketika ini telah beralih ke fasa endamik. Semoga kita semua sentiasa diberi keselamatan dan kesihatan yang baik.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT JPS MALAYSIA

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 pada 20 Mei 2022 bersamaan 19 Syawal 1443 Hijrah. Sambutan Hari Raya disambut bersama-sama warga Jabatan ini bukan sahaja untuk meraikan Hari Raya, tetapi ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama warga JPS Malaysia.

Suasana meriah sambutan Aidilfitri ini disambut bersama-sama dengan pengurusan tertinggi JPS Malaysia diketuai oleh YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah JPS Malaysia. Turut sama-sama memeriahkan majlis ini ialah Pengarah Bahagian, Pengarah Pengairan Negeri seluruh Malaysia dan seluruh warga JPS Malaysia

" Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi,
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa,
Dalam kelembutan lidah ada keterlanjuran kata,
Dalam gurau senda sudah tentu ada khilaf dan dosa."

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin.

LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA) DI JANDA BAIK, BENTONG PAHANG

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Datuk Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) diiringi oleh YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia telah mengadakan lawatan di Janda Baik, Bentong, Pahang pada 13 Mei 2022. Lawatan telah diadakan di Kg Pulau Santap dan Kg Chemperoh yang terkesan akibat banjir pada 11 Mei 2022.

Keadaan sungai yang terlalu cetek telah mengakibatkan limpahan air Sungai Benus, Sungai Cheringgin dan Sungai Chemperoh melebihi paras tebing. Pihak JPS Malaysia telah melaksanakan kerja-kerja mendalamkan sungai yang terlibat yang menjadi punca utama banjir kilat ini berlaku.

JPS Malaysia juga merancang untuk membina tembok penahan banjir (ban) pada lokasi yang telah dikenalpasti sepanjang sungai yang terlibat dan sedang menyegerakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Bentong, Projek Pembinaan Struktur Sabo, Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) serta membina Stesen Telemetri dan Stesen Amaran Banjir di sekitar Kampung Janda Baik.

LAWATAN KETUA SETIUSAHA NEGARA KE JANDA BAIK, PAHANG

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara telah mengadakan lawatan ke Janda Baik, Pahang pada 12 Mei 2022. Lawatan ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia dan pegawai-pegawai JPS.

Tujuan lawatan ini adalah bagi melihat kesan banjir yang berlaku pada 11 Mei 2022 di beberapa tempat di sekitar kawasan Janda Baik, Pahang dan tindakan-tindakan yang diambil oleh JPS serta agensi-agensi yang lain bagi mengatasi kesan banjir.

LAWATAN YBHG. DATO' SERI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA) KE KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN

OLEH : JPS NEGERI SEMBILAN

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah mengadakan lawatan kerja ke Kuala Pilah pada 20 Mei 2022. Tujuan lawatan ini adalah untuk meninjau kesan kejadian banjir yang berlaku dibeberapa kawasan di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.

KASA melalui JPS Malaysia dan JPS Negeri Sembilan sedang melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan sungai di Kg. Kabong, Kg. Pasit, Kg. Taling, Kg. Geduhum dan Kg. Carik. JPS Malaysia juga telah merancang beberapa langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi mengatasi isu tersebut.

Lawatan ini juga turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir. Sabri bin Abdul Mulok, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia serta lain-lain pegawai daripada JPS Malaysia.

INTERNATONAL INVENTION, INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION (ITEX) 2022

OLEH : BAHAGIAN AUDIT PRESTASI

3 3rd International Invention, Innovation & Technology Exhibition) telah diadakan pada 26 hingga 27 Mei 2022 bertempat di Hall 1 & 2, Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Pertandingan berprestij ini telah dianjurkan sejak tahun 1989 dan merupakan platform kepada pereka cipta dan penyelidik untuk mengkomersilkan rekacipta dan inovasi masing-masing di persada antarabangsa.

Majlis Perasmian Pembukaan telah di rasmikan oleh YB Dato' Sri Dr. Adham Bin Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia. Turut hadir ke Majlis Penyampaian Anugerah Malam Budaya Cipta adalah YBhg. Dato' Ir. Sabri Bin Abdul Mulok, Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia serta wakil-wakil pemenang daripada Ir Ts Dr Hj Muhammad Khairudin bin Khalil, Pengarah Bahagian Audit Prestasi JPS Malaysia, Ir Hj Nasser bin Salim, Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Kedah dan YM Raja Redzuan Shah bin Raja Iskandar Shah, Jurutera Daerah Kuala Langat, Selangor.

Pada tahun 2022 ini, dua (2) kumpulan telah mewakili JPS Malaysia bagi menyertai pertandingan ITEX 2022 di dalam kategori Invention & Design Competition (IDC) dan memenangi dua (2) Pingat Emas dan satu (1) Pingat Khas.

PINGAT KHAS - Best Invention (Research Institution)

i. Smart Trash Screen (STS) , JPS Daerah Kuala Langat, Selangor

PINGAT EMAS - Kategori IDC

i. Smart Portable Rainfall Counter (SPORAC), JPS Negeri Kedah.
ii. Smart Trash Screen (STS) , JPS Daerah Kuala Langat, Selangor.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang.

LAWATAN TEKNIKAL PROJEK AP182 SANTUARI KELAH DI HULU TERENGGANU, TERENGGANU

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Mesyuarat Sektor Pakar yang dipengerusikan oleh YBrs. Ir. Hajah Bibi Zarina binti Che Omar, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia dan Lawatan Teknikal ke Projek AP182 Santuari Kelah di Hulu Terengganu telah diadakan pada 17 hingga 18 Mei 2022.

Projek Santuari Kelah yang telah dilaksanakan oleh JPS Negeri Terengganu dengan kos projek bernilai RM8.6 juta merangkumi pembinaan pelbagai infrastruktur termasuk laluan pejalan kaki sepanjang 1.8km, wakaf, jambatan gantung dan menara tinjau.

LAWATAN KERJA PENGARAH KANAN (SEKTOR PENGURUSAN) KE PROJEK TEBATAN BANJIR LEMBANGAN SUNGAI PADAS, SABAH

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR

YBhg. Mejar (K) Dato' Ir. Hj. Ahmad Anuar Bin Othman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) telah mengadakan lawatan kerja ke Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Padas, Sabah. Lawatan ini melibatkan kawasan di sekitar Kampung Binaie, Kampung Uloi, Sungai Padas, Sungai Pegala, Sabah pada 17 Mei 2022. Lawatan turut diiringi oleh pegawai dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia dan JPS Negeri Sabah.

Lawatan ini bertujuan bagi melihat status pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Padas, Sabah serta isu-isu yang berbangkit

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Integrity Corner

"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"

Bil.9/2022

Larangan penggunaan kenderaan Jabatan/Projek untuk tujuan persendirian

Peraturan 4(2)(c)ii Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993]



- Elakkan daripada menggunakan kenderaan Jabatan/Projek untuk tujuan peribadi.
- Penggunaan kenderaan Jabatan/Projek tanpa pemandu lantikan adalah TIDAK dibenarkan.
- Sentiasa kemaskini buku log bagi setiap perjalanan.

Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh dikenakan

TINDAKAN TATATERTIB

UNIT INTEGRITI, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Aras 3, Blok A, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Jalan Sultan Salahuddin, 50626 Kuala Lumpur

FB UI : Unit Integriti JPS Malaysia | TEL UI JPS: 03-2613 1793 / 1794 | EMEL: ui.jps@water.gov.my

LAWATAN TEKNIKAL DI KAMPUNG POHON CELAGI, PASIR MAS, KELANTAN

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Lawatan Teknikal bagi Projek Pelaksanaan Segera Bagi Menangani Bencana Runtuhan Tebing Sungai Kelantan di Kampung Pohon Celagi, Pasir Mas, Kelantan dan Projek Baik Pulih Low Weir dan lain-lain kerja berkaitan di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah diadakan pada 23 Mei 2022. Lawatan ini telah diketuai oleh YBrs. Ir. Hjh. Bibi Zarina Binti Che Omar, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) JPS Malaysia.

Pada 24 hingga 25 Mei 2022, aturcara program telah diteruskan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Program Pembangunan (JPPP) AP182 Bil.2/2022 yang dipengerusikan oleh YBrs. Ir. Hjh. Bibi Zarina Binti Che Omar, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) JPS Malaysia bertempat di Bilik Gerakan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Ahli-ahli mesyuarat dianggotai secara fizikal oleh pengarah atau wakil Bahagian JPS Malaysia dan JPS Negeri. Sementara itu, wakil daripada Kementerian dan Agensi Pemilik Projek/ Jabatan Bukan Teknik menyertai mesyuarat secara atas talian.

Mesyuarat ini adalah bertujuan untuk membincangkan perancangan serta prestasi fizikal dan kewangan projek-projek Jabatan Bukan Teknik yang dilaksanakan oleh JPS pada tahun 2022.



SAMBUTAN AIDILFITRI LESTARI KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA) 2022

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

KASA telah menganjurkan sambutan Aidilfitri Lestari bersama warga KASA dan jabatan/agensi di bawahnya di Dewan De' Seri Endon, Presint 10, Putrajaya pada 25 Mei 2022. Majlis telah dihadiri oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air, YB Dato' Mansor bin Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air dan YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KASA serta YBhg. Dato Ir. Dr. Md. Hj. Nasir bin Md Noh, Ketua Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, Ketua-ketua Jabatan/Agensi, warga KASA dan wakil -wakil Jabatan/Agensi.

Dengan tema "Hindari Plastik Sekali Guna", pelbagai juadah yang telah disediakan oleh KASA serta jabatan/agensi. Majlis ini menggalakkan semua warga membawa bekas makanan sendiri bagi menerapkan semangat melestarikan alam sekitar. Majlis turut dimeriahkan dengan cabutan bertuah dan pertandingan hiasan gerai makanan. JPS Malaysia telah memenangi kategori Gerai Tercantik yang telah menggunakan barangan terpakai sebagai hiasan.

MAJLIS PENYERAHAN KIT RUMAH IBADAT HIJAU DAN PROGRAM KESEDARAN MENGENAI KEPENTINGAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Majlis penyerahan Kit Rumah Ibadat Hijau dan program kesedaran mengenai kepentingan kelestarian alam sekitar telah dirasmikan oleh YB Dato' Mansor bin Haji Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) bertempat di masjid Zaid Bin Haritsah, Kuala Lumpur.

Program ini yang bertujuan untuk menjadikan rumah ibadat sebagai pusat pemangkin kelestarian alam sekitar dalam memupuk budaya gaya hidup hijau di kalangan masyarakat setempat. Bagi menyahut saranan ini, JPS telah memilih Masjid Zaid bin Haritsah, Gombak, Kuala Lumpur sebagai rumah ibadat angkat Jabatan.

Objektif Rumah Ibadat Hijau ini juga adalah untuk menjadikan rumah ibadat sebagai contoh bangunan cekap penggunaan tenaga dan air, pengurusan sisa buangan, mesra alam, rendah karbon serta mengaplikasikan teknologi hijau di kawasan setempat. Elemen-elemen ini diterapkan dalam program ini bagi mencapai sasaran untuk membudayakan gaya hidup sihat dalam komuniti. Bagi merealisasikan program ini, Kit Rumah Ibadat Hijau yang mengandungi tong kitar semula, pili cekap air, buku panduan dan pelekat peringatan amalan hijau dan sumbangan wang tunai bagi pembelian barang-barang teknologi hijau akan disumbangkan kepada rumah ibadat angkat terpilih.

Turut hadir ke majlis ini adalah YBrs. Puan Noor Afifah Abd Razak, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Md. Nasir bin Md. Noh, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia, YBrs. Ts. Shamsul Bahar bin Mohd Nor, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) dan YBhg. Tuan Haji Mohd Aizul bin Adnan, Pengerusi Masjid Zaid bin Haritsah.

KURSUS PENGENDALIAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) UNTUK PEGAWAI PENGURUSAN ADUAN DAN KURSUS PROTOKOL DAN PENGURUSAN MAJLIS JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA (JPS) 2022

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 17-19 Mei 2022, Bahagian Korporat telah menganjurkan Kursus Pengendalian Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Untuk Pegawai Pengurusan Aduan Dan Kursus Protokol Dan Pengurusan Majlis Jabatan Pengairan Dan Saliran Malaysia (JPS) 2022 bertempat di The Klagan Hotel, Kota Kinabalu Sabah.

YBhg. Mejar (K) Dato' Ir. Hj. Ahmad Anuar Bin Othman, Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) telah turut hadir bersama dan merasmikan Kursus Pengendalian Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Untuk Pegawai Pengurusan Aduan Dan Kursus Protokol dan Pengurusan Majlis JPS Malaysia. Peserta kursus terdiri daripada Pegawai

Perhubungan Awam (PRO) serta wakil-wakil JPS Negeri dan pegawai dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan latihan kepada para pegawai bagi menguruskan aduan awam dengan lebih cekap dan berkesan melalui inisiatif penggunaan SISPAA. Sistem ini diharap dapat memperkasakan lagi pengurusan aduan di Jabatan ini selaras dengan perkembangan dunia ICT pada masa kini yang semakin meluas dan keterbukaan pada saluran komunikasi yang lebih mudah dan pantas.

PROGRAM CAKNA ILMU @JPS Bil. 2/ 2022

OLEH : PERPUSTAKAAN JPS MALAYSIA

Encik Danial Hadi bin Bahrul Jamal, Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal (BPME) telah membuat perkongsian ulasan buku di media social Facebook sempena Program Jom Cakna Ilmu@JPS anjuran Unit Perpustakaan, Bahagian Korporat.

Tajuk Buku : Ubah Patah Hati Jadi Prestasi
Penulis : Addien Abdul Kadir, Dwi Suwiknyo
Tahun Terbit : 2021
Penerbit : PTS Publishing House

LOKASI EMPANGAN JPS

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia - Department of Irrigation & Drainage | @JPSMalaysia | @DID_Malaysia | Jabatan Pengairan dan Saliran

FUNGSI EMPANGAN

Pengairan

Tebatan banjir

Bekalan air domestik

Menjana elektrik

Penahan kelodak

Rekreasi berasaskan air

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia - Department of Irrigation & Drainage | @JPSMalaysia | @DID_Malaysia | Jabatan Pengairan dan Saliran